

PERCUMA



Mutiara buletin



1 – 15 Ogos 2012



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>



BARISAN pucuk pimpinan negeri Pulau Pinang bersama meraikan pencapaian cemerlang Lee Chong Wei (japan dari kiri) pada Sukan Olimpik London 2012 dengan penyampaian insentif khas RM100,000 kepada beliau di Komtar baru-baru ini. (Gambar oleh Chan Lilian).

Insentif RM100 ribu untuk Chong Wei, Syabas!

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Pemain utama perseorangan lelaki badminton negara, Datuk Lee Chong Wei menerima Anugerah Insentif Pencapaian Cemerlang Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) atas pencapaian cemerlang memperoleh pingat Perak di Sukan Olimpik London 2012 di sini baru-baru ini.

Selaras dengan pengiktirafan tersebut, sumbangan insentif bernilai RM100,000 turut disumbangkan kepada beliau.

Ketika ditemui, Chong Wei, 30, yang ditemani abangnya, Lee Chong Hoon, menyatakan bahawa beliau telah cuba sedaya-upaya ketika menentang pemain China, Lin Dan secara 'rubber set' di Sukan Olimpik London baru-baru ini.

"Terima kasih atas sokongan semua terutama rakyat Malaysia.

"Saya telah bermain pada tahap maksimum, tetapi, mungkin faktor kecederaan menyebabkan saya berhati-hati ketika bermain," kata Chong Wei pada Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pencapaian Cemerlang PBAPP yang disempurnakan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar di sini baru-baru ini.

Turut hadir, barisan Exco Kerajaan Negeri, Yang diPertua Majlis Agama

Islam Pulau Pinang (MAIPP), Datuk Mohd. Salleh Man, Pegawai Kawangan Negeri, Datuk Mokthar Mohd. Jait dan Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa.

Chong Wei, Mei lalu mengalami kecederaan bahu lari kanan pada pusingan akhir Kejohanan Piala Thomas di Wuhan, China ketika menentang pemain perseorangan Denmark, Peter Hoeg Gade. Ekoran itu, beliau telah berehat selama dua bulan setengah dan persediaan menghadapi Sukan Olimpik London hanya dijalankan dalam tempoh dua minggu sebelum itu.

Chong Wei dalam pada itu turut mengakui bahawa beliau mengalami tekanan hebat ketika melangkah ke pusingan akhir dan adakala beliau menangis kerana terpaksa menahan kesakitan.

"Kini, saya akan berehat dari sebarang kejuaraan kerana ingin pulih dan bersedia untuk kejohanan Liga China pada September ini.

"Saya ingin memberi tumpuan kepada kejohanan berikutnya iaitu Sukan Komanwel di Glasgow, Scotland dan Sukan Asia di Incheon, Korea pada



2014," tegas Chong Wei yang tidak berhasrat untuk menyatakan penglibatannya dalam Sukan Olimpik di Rio de Janeiro, Brazil pada 2016 kelak.

Menurut Ketua Menteri, Kerajaan Negeri amat berbangga dengan pencapaian unik anak kelahiran Bukit Mertajam apabila berjaya memperoleh pingat di dua kejohanan Sukan Olimpik berturut-turut.

"Bukan mudah untuk mengekalkan kejuaraan dan memenangi pingat di Sukan Olimpik Beijing 2008 dan Sukan Olimpik London 2012.

"Sungguhpun tidak memenangi pingat emas, tetapi beliau telah memenangi 'kilauan emas' dalam hati rakyat Malaysia," ujarnya pada majlis sama.

Bersempena itu, Chong Wei yang turut berhasrat menuju Lee Chong Wei Badminton Centre dan Yayasan Datuk Lee Chong Wei bagi memastikan adanya pelapis generasi muda. Serentak itu, beliau turut menyerahkan salinan buku hasil karyanya kepada Ketua Menteri dan barisan Exco yang hadir.

Sidang redaksi Buletin Mutiara mengucapkan SYABAS kepada Datuk Lee Chong Wei!

Guru Kafa turut terima bonus Raya

GEORGE TOWN – Pemberian bonus Hari Raya Aidilfitri 2012 sebanyak setengah bulan dengan minima RM600 dan RM300 juga kepada guru Kafa adalah sama dengan tahun lalu dan bukan habuan pilihanraya ke 13 seperti yang diwar-warkan pihak media Barisan Nasional (BN).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataannya menyatakan bahawa pemberian bayaran minimum setakat RM600 kepada anggota yang berpendapatan rendah adalah berdasarkan kepada prinsip pemberian sama yang telah diberi pada tahun lalu dan bukan untuk tujuan 'gula-gula' pilihanraya seperti mana sindiran dilemparkan kepada Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk memberi bonus setengah bulan gaji dengan tambahan bayaran minimum sebanyak RM600 kepada anggota perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan kerajaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Pemberian tersebut adalah berdasarkan prinsip pemberian sama dan bukannya 'gula-gula' pilihanraya sebagaimana disindir pihak media BN," katanya di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, aman pemberian bonus setengah bulan gaji yang perlu dibelanjakan Kerajaan Negeri sebanyak RM3.9 juta sememangnya meningkat berbanding tahun lepas.

"Ini adalah kerana mengambil kira bilangan penjawat awam (3,780 orang) yang telah bertambah berbanding tahun lalu (3,645 orang).

"Pada masa sama, ia juga berdasarkan kepada kenaikan gaji tahunan anggota-anggota perkhidmatan awam dan kadar kenaikan gaji 13 peratus yang telah diperlakukan pada April 2012 lalu," jelasnya.

Tambah beliau, pemberian bonus setengah bulan gaji dengan tambahan bayaran minimum sebanyak RM600 adalah juga terpakai kepada kedua-dua pihak berkuasa tempatan dan badan-badan berkanunnegeri dan adalah dipertanggungkan kepada peruntukan mengurus pentadbiran masing-masing dan bukan kepada Kerajaan Negeri.

Pemberian bonus ini diperakaunkan pada 9 Ogos lalu.

Tradisi sumbangan Raya kepada PDRM & ATM diteruskan



(Dari kiri), ZULKAPRI Rahman, Abd. Rahman Hanafi, Ketua Menteri dan Abdul Malik Abul Kassim bergambar kenang-kenangan sejurus selesai majlis ringkas penyerahan cek sumbangan sempena sambutan Aidilfitri di Komtar baru-baru ini.

JASA DIKENANG.... Bagi mengenang jasa serta pengorbanan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) meneruskan tradisi menyampaikan sumbangan wang sempena sambutan Aidilfitri kepada kedua-dua pasukan keselamatan berkenaan di sini baru-baru ini.

Pemberian tahunan tersebut adalah sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap perjuangan PDRM dan ATM dalam menjamin serta mengekalkan tahap keselamatan di negeri serta negara ini.

PDRM diwakili Ketua Polis Negeri yang baru, Datuk Abd. Rahim Hanafi, manakala, ATM diwakili Zulkapri Rahman. Majlis penyampaian sumbangan bernalil RM10,000 (setiap satu) disempurnakan Ketua Menteri.

Hadir sama Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Pekerja istimewa MPPP terima anugerah cemerlang



Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Tergolong dalam golongan orang kurang upaya (OKU) tidak pernah menjadi penghalang kepada Operator Pengendali Telefon Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Nordin Hanafiah, 48, yang cacat penglihatan untuk turut disenaraikan sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan baru-baru ini.

Nordin yang bertugas selama 17 tahun di MPPP berkata, terdapat banyak cabaran dihadapinya, namun berkat pertolongan rakan-rakan sekerja, semua permasalahan dapat diatasi dengan mudah.

“Sikap berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain adalah pegangan yang diikuti-tinya selama ini.

“Bersikap baik dan jangan jadikan ketidakmampuan sebagai alasan. Jadilah insan yang bukan mengharap tetapi diharapkan. Buatlah setakat mana yang mampu dan jangan terlalu mengharapkan orang lain” katanya ketika diminta mengulas berhubung pencapaian cemerlang beliau kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Nordin merupakan salah seorang daripada 176 pegawai yang dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 oleh MPPP di Dewan Bandaran, Jalan Padang Kota Lama di sini.

Mengulas mengenai bidang tugasnya, Nordin menyatakan bahawa beliau hanya menggunakan telefon biasa untuk menjawab sebarang panggilan yang diterima. Malah, bagi melancarkan gerak kerja harian, penggunaan komputer dan telefon bimbit adalah lebih mudah dengan adanya kelengkapan perisian (*software*) beraudio.

Beliau yang cacat penglihatan sejak lahir ber-

syukur dengan anugerah diterima.

“Saya gembira dengan pemberian ini dan menganggap ianya adalah rezki untuk meraikan Hari Raya bersama keluarga menjelang Aidilfitri nanti,” ujarnya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail semasa ucaptamanya berkata, pengiktirafan saban tahun tersebut adalah sebagai ganjaran kepada pekerja yang gigih dan berprestasi cemerlang.

“Para penerima bukan sahaja menerima sijil penghargaan, malah, mereka juga menerima imbuhan RM1,000 yang akan dimasukkan terus ke akaun bank masing-masing.

“Lanjutan itu, para penerima juga bakal diberikan keutamaan untuk memajukan kerjaya serta berpeluang dicalonkan untuk menerima pingat serta darjah kebesaran pada masa akan datang,” jelas beliau.

SINDIR MUTIARA



CUEPACS mohon maaf atas kekeliruan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman memohon maaf kepada Ketua Menteri di atas kekeliruan serta tuduhan bahawa Kerajaan Negeri bersikap dingin dan enggan memberikan kerjasama untuk membincangkan perkara berkaitan penjawat awam sebagaimana dilaporkan sebelum ini.

Kata Omar, kekeliruan tersebut berlaku akibat kandungan surat dihantar CUEPACS negeri adalah untuk memohon sumbangan dan bukannya permohonan bagi tujuan membuat sebarang temujanji.

"Perkara ini berlaku kerana segala hal surat-menjurut adalah diuruskan oleh CUEPACS negeri

dan bukannya kebangsaan.

"Ekoran itu, saya sendiri telah mengambil inisiatif menulis surat kepada Ketua Menteri untuk menyatakan hal yang sebenarnya dan Alhamdulillah, ia telah diluluskan oleh beliau (Ketua Menteri) dalam kadar yang cepat," katanya pada majlis sidang akhbar bersempena kunjungan hormat beliau terhadap Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Akhbar sebelum ini melaporkan bahawa Presiden CUEPACS, Datuk Omar Osman kesal dengan sikap dingin Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang seolah-olah keberatan untuk menjalankan hubungan dengan badan itu.

Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dalam kenyataan balasnya bertarikh 23 Jun 2012 kesal dengan kenyataan yang tidak benar



KETUA MENTERI berjabat tangan dengan Omar Osman (enam dari kiri) bersempena kunjungan hormat beliau terhadap Ketua Menteri di Komtar baru-baru ini.

tersebut.

Lanjutan itu, Pejabat Ketua Menteri telah membuat siasatan dan mendapati bahawa Omar tidak pernah menulis surat untuk berjumpa dengan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan tidak ada mana-mana pegawai daripada Pejabat Ketua Menteri yang menerima permohonan ataupun dihubungi Omar untuk tujuan berjumpa dengan Ketua Menteri.

Hadir sama pada sidang media tersebut adalah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man dan Pengurus CUEPACS Pulau Pinang, Mohd. Sayuthi Harun.

Tambah Omar, pertukaran Setiausaha Kerajaan Negeri juga adalah satu faktor berlakunya salah faham berkenaan apabila dahulunya surat dihantar ketika Datuk Zainal Rahim Seman memegang jawatan berkenaan.

"Semasa surat sumbang dihantar ketika itu di bawah Datuk Zainal Rahim Seman. Sepatutnya, CUEPACS negeri perlu membuat susulan selepas menghantar surat pertama bertarikh 16 Februari 2011.

"Walau bagaimanapun, saya

ingin memohon maaf kepada Ketua Menteri di atas kekeliruan yang berlaku," ujarnya.

Dalam pada itu, Omar turut menasihatkan para penjawat awam di Pulau Pinang supaya menghargai segala kelebihan insentif yang diberikan Kerajaan Negeri di bawah pemerintahan Guan Eng.

"Penjawat awam (Pulau Pinang) perlu bersyukur dan menghargai kelebihan insentif bonus yang diberikan Kerajaan Negeri. Ini membuktikan Ketua Menteri prihatin.

"Negeri-negeri lain boleh turut melaksanakan inisiatif sebegini dan diharapkan dengan cara begini dapat meringankan beban penjawat awam," nyata Omar.

Penurunan jenayah, jasa Ayub dikenang

JASAMU DIKENANG... Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Wira Ayub Yaakob buat kali terakhir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri bersama Ketua Menteri dan Ahli Exco Kerajaan Negeri sebelum beliau ditukarkan sebagai Pengurusi Urus Setia Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) khusus dalam menangani isu-isu keselamatan negara baru-baru ini.

Pelantikan beliau adalah bagi menggantikan Datuk Abu Samah Mat yang kini memegang jawatan Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan/Perundangan).

Sepanjang hampir empat tahun setengah bertugas sebagai Ketua Polis di sini, Ayub telah berjaya menurunkan indeks jenayah negeri sebanyak 73.1 peratus dan menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang mencatatkan menurunkan kadar jenayah paling tinggi dalam negara bagi tempoh dua tahun berturut-turut.

"Sepanjang ditugaskan di sini iaitu selepas pilihanraya 2008, tidak banyak masalah yang dihadapi, sebaliknya, banyak



AYUB YAAKOB.

pihak yang sudi bekerjasama terutamanya pentadbiran Kerajaan Negeri dalam membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengurangkan kadar jenayah di sini," ujarnya pada majlis sidang akhbar selepas Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri di Komtar baru-baru ini.

Pada majlis yang sama, Ayub turut mewakili keluarga Allahyarham Konstabel Nan Ruazlan Zulkefle, 23, dari Balai Polis Machang Bubok yang maut ketika menjalankan tugas pada April lalu menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM3,000.

Operasi Pusat Dialisis CAT awal tahun depan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BALIK PULAU – Buat julung kali dalam negara, atas inisiatif khas Kerajaan Negeri, Pusat Dialisis CAT yang hanya mengenakan bayaran rawatan RM30 untuk pesakit buah pinggang bakal beroperasi pada awal tahun 2013 bertempat di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau di sini.

Lanjutan itu, Pusat Dialisis CAT kedua juga bakal dilaksanakan sebaik sahaja yang pertama disiapkan sepenuhnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa peruntukan berjumlah RM 150,000 diperlukan bagi mengubahsuai lokasi pusat termasuk pembelian 10 mesin dialisis (RM 523,110).

"Pesakit hanya perlu membayar RM30 bagi setiap sesi rawatan berbanding RM150 hingga RM200 bagi rawatan swasta di luar sana," katanya ketika melancarkan kerja-kerja pengubahsuai Pusat Dialisis CAT di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Timbalan Ketua

Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Exco Kesihatan Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Phee Boon Poh, Setiausaha Kerajaan Negeri, Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim dan Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd Yusoff

turut menyerikan majlis bersejarah berkenaan.

Beliau memberitahu, berdasarkan maklumat, sebanyak 21 daripada 50 buah pusat dialisis adalah dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga badan sukarela.

"Malah, mengikut statistik yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga 31 Disember lalu, seramai 4,476 pesakit telah mendapatkan rawatan dialisis di Pulau Pinang," jelasnya.



PUCUK pimpinan Kerajaan Negeri mengcat dinding Pusat Dialisis CAT sebagai gimik pelancaran di sini baru-baru ini.

Chang Yeow dicabar tunjuk bukti - Mansor

GEORGE TOWN - Serangan peribadi Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow terhadap Ketua Menteri, beberapa ahli Exco dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri dituduh mempunyai kepentingan peribadi kerana mempertahankan keputusan Kerajaan Negeri membina hospital di Jalan Zainal Abidin di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dalam kenyataannya menyatakan bahawa fitnah sebegini adalah satu perbuatan jahat, tidak bertanggungjawab dan tidak bermoral kerana pemimpin Pakatan Rakyat (PR) tiada kepentingan peribadi dalam hospital tersebut.

"Kelulusannya adalah semata-

mata mahu mengembangkan industri pelancongan perubatan di sini (Pulau Pinang).

"Dengan itu, saya mencabar Teng (Chang Yeow) menunjukkan bukti berhubung dakwaan beliau terhadap Ketua Menteri, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Exco Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Ng Wei Aik.

"Beliau (Chang Yeow) tidak boleh bertindak macam budak-

budak yang baling batu sembunyi tangan," katanya di sini baru-baru ini.

Mansor berkata demikian bagi mengulas tindakan Chang Yeow yang menuduh Ketua Menteri dan beberapa Exco Kerajaan Negeri memiliki kepentingan peribadi berhubung projek membina hospital swasta di Jalan Zainal Abidin.

Tambah Mansor, antara fitnah yang dilemparkan Chang Yeow berhubung isu tersebut adalah :

(1) Lesen hospital swasta penuh telah diluluskan kepada pemohon di Jalan Zainal Abidin sebenarnya hanya surat tanpa halangan diterima pada 12.7.2012 dan bukanlah lesen ;

(2) Bangunan 30 tingkat diluluskan sebaliknya Majlis Perbandaran Pulau Pinang

(MPPP) tidak pernah meluluskannya ;

(3) Kerajaan BN memperuntukkan tapak Jalan Zainal Abidin seluas 0.4 hektar untuk perumahan padahal tidak ada suatu pengumuman dalam suratkhabar oleh kerajaan BN sebelum ini. Sebaliknya kerajaan PR memperuntukkan tanah lebih luas sebanyak 4.2 hektar di Jalan S.P. Chelliah iaitu hampir 10 kali ganda lebih besar untuk perumahan mampu milik.

Beliau memberitahu, BN telah menimbulkan perasaan benci dan permusuhan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang dengan permainan politik perkauman ekstremis yang menyemarakkan sentimen perkauman dan agama.

"Sehingga kini Teng (Chang Yeow) bersikap mengelak,



DATUK MANSOR OTHMAN.

membisu dan enggan menjawab skandal keuntungan besar dua pemimpin tertinggi UMNO Pulau Pinang sebanyak RM5 juta hasil penjualan 10 ekar tanah milikan 31 tuan punya Melayu di Kampung Terang, Balik Pulau di sini," tegas beliau.

Kenyataan Akbar Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh di Komtar, George Town pada 27.7.2012.

SELAIN daripada Lima Penipuan Yang Sudah Didedahkan, Teng Chang Yeow Makin Terdesak Memenangi Kembali Pulau Pinang Untuk UMNO Dengan Menipu Lagi Tentang Kes Tanah Jalan Zainal Abidin Dan Keengganan Kementerian Kesihatan Untuk Memberi Lesen Bagi Hospital Swasta Multidisiplin.

Selain daripada lima penipuan yang sudahpun didedahkan, Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow makin terdesak untuk memenangi kembali Pulau Pinang untuk UMNO dengan menipu lagi tentang kes tanah 0.4 hektar di Jalan Zainal Abidin di sini dan keengganan Kementerian Kesihatan memberi lesen untuk hospital swasta multidisiplin.


Saya sudah pun mendedahkan lima penipuan terdahulu Teng (Chang Yeow) :

1. Sehingga sekarang, tiada lesen hospital swasta, seperti yang didakwa Teng (Chang Yeow), yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Yang ada hanya sepucuk surat "tiada halangan" daripada Kementerian Kesihatan yang bertarikh 12.7.2012 dan diterima pada 20.7.2012. Surat "tiada halangan" bukanlah lesen, tetapi hanya pemakluman bahawa tidak ada bantahan terhadap permohonan lesen untuk hospital swasta khusus,

yang harus dibuat dalam jangka masa 6 bulan. Teng (Chang Yeow) tidak boleh menafikan bahawa Kementerian Kesihatan telah menolak permohonan untuk hospital swasta khusus dua kali pada 2.5.2012 dan 22.10.2012.

2. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Kerajaan Negeri tidak pernah meluluskan bangunan 30 tingkat di kawasan itu seperti yang didakwa Teng (Chang Yeow). Teng (Chang Yeow) sengaja memutarbelitkan "permohonan" pemaju untuk bangunan 30 tingkat sebagai "kelulusan" sedangkan ia telah ditolak oleh MPPP.

3. Teng (Chang Yeow) mendakwa bahawa kawasan 0.4 hektar itu telah dirizabkan untuk perumahan awam oleh kerajaan BN terdahulu, tetapi Teng (Chang Yeow) atau Kerajaan Negeri lama tidak pernah membuat walau satu pun kenyataan sebelum tahun 2008 mengenai pembangunan perumahan awam di kawasan itu. Teng (Chang Yeow) sekarang mengeluarkan pelbagai dokumen yang bertarikh sebelum 2008 yang Kerajaan Negeri PR tidak pernah lihat kerana pejabat-pejabat kami telah diwarisi dalam keadaan kosong apabila kami mengambil alih pada tahun 2008. Kerana kawasan 0.4 hektar itu terlalu kecil sangat, Kerajaan Negeri PR telah memperuntukkan 4.2 hektar di Jalan S.P. Chelliah untuk tujuan



PHEE BOON POH menunjukkan salinan surat daripada Kementerian Kesihatan berhubung isu hospital swasta Jalan Zainal Abidin di sini baru-baru ini.

perumahan mampu milik. Jelas 4.2 hektar di Jalan S.P. Chelliah adalah lebih baik daripada 0.4 hektar.

4. Teng (Chang Yeow) mendakwa bahawa sekiranya BN tidak "mendedahkan" perkara ini, orang awam tidak akan tahu rancangan Kerajaan Negeri PR untuk membangunkan kawasan Jalan Zainal Abidin itu kepada hospital swasta. Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng

telah pun membuat pengumuman awam dan kenyataan-kenyataan akbar tiga tahun lalu dalam pertengahan tahun 2009 tentang rancangan Kerajaan Negeri untuk

mendirikan hospital swasta di pusat bandar. Teng (Chang Yeow) boleh sahaja mencari maklumat tersebut dalam internet, tetapi, beliau memilih untuk menipu bahawa beliau dan orang awam tidak diberitahu tentang rancangan untuk

Kerajaan negeri PR tidak pernah memberi apa-apa jaminan sedemikian. Kerajaan Negeri PR telah dengan jelasnya menyatakan bahawa tanah yang dijual itu hanya boleh digunakan untuk pembangunan sebuah hospital dan bukan untuk projek komersial.

PHEE BOON POH

Pelajar cemerlang diiktiraf Kerajaan Negeri

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Sebagai galakan untuk terus cemerlang, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menyampaikan sumbangan khas kepada lima pelajar serta bekas pelajar yang memperoleh pencapaian memberangsangkan dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa di sini baru-baru ini.

Antara penerima-penerima terbabit adalah dua pelajar Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, Dani Ezzudin Abd. Razak, 17, dan Chairil Anuar Harris, 14, yang memenangi pingat Perak dalam Pertandingan *International Sustainable World Energy Engineering Environment Project Olympiad* yang diadakan di Houston, Texas, Amerika Syarikat Mei lalu.

Menurut Dani Ezzudin, beliau amat berbangga apabila

penyertaan sulungnya dalam pertandingan peringkat antarabangsa membawa hasil dengan kejayaan merangkul pingat Perak (tempat kedua) dari lebih 100 penyertaan seluruh dunia.

“Saya amat berbangga apabila berjaya mengharumkan nama Malaysia dan Pulau Pinang melalui projek *From Waste To Wonder: Biodegradable Plastic From Oil Palm Water* yang menjadi sandaran dan penyertaan sulung kami.

“Adalah menjadi harapan saya agar Malaysia dapat meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (*research and development*) untuk kita sama-sama menikmati hasilnya pada masa akan datang.

“Pada masa sama, diharap Kerajaan Negeri dapat meneruskan usaha sebegini agar lebih memotivasi generasi muda untuk berjaya,” ujarnya ketika ditemui selepas menerima

sijil penghargaan dan wang tunai RM200 sumbangan Kerajaan Negeri daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Perancang Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng.

Turut menerima adalah guru penasihat, Harris Ganea Nainar dan juga pihak sekolah.

Dalam pada itu, pelajar yang memperoleh tajaan biasiswa penuh *British Council* untuk melanjutkan pelajaran pada tahap A Level di *Royal Wolverhampton School*, United Kingdom, Jonathan Khang Wei Tan menerima sijil penghargaan dan



(Dari kiri), JONATHAN Khang Wei Tan, Dani Ezzudin Abd. Razak dan Chairil Anuar Harris menunjukkan sijil penghargaan yang diterima daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

wang tunai bernilai RM1,000.

Johan *ESU International Public Speaking Competition 2012* anjuran *English Speaking Union*, Marina Tan Hsien Wei, 18, turut menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM1,000. Beliau merupakan rakyat Malaysia pertama yang memenangi pertandingan berprestij berkenaan.

Seorang lagi penerima adalah Chang Wen Jing yang berjaya memenangi pingat Emas dalam Pertandingan *Invention Innovation and Technology Exhibition 2012* dan Pertandingan *Seoul International Invention Fair 2011* (Perak).

Beliau yang diwakili ayahnya menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM500.

‘Negara Sivil’ bawa kebebasan, demokrasi -Tariq Ramadan

GEORGE TOWN - Profesor Tariq Ramadan baru-baru ini mengupas mengenai konsep ‘Negara Sivil’ pada satu forum anjuran Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) di sini.

Ahli akademik dari Universiti Oxford itu mengemukakan idea yang sederhana demikian semasa tanah air ini sedang menerima polemik istilah ‘Negara Islam’ sementara menunggu musim Pilihan Raya Umum Ke - 13.

Bagi cucu Hassan Al-Banna, iaitu pengasas gerakan Islam di Mesir bernama Ikhwanul Muslimin itu, Negara Islam dalam kerangka baru adalah ‘Negara Sivil’.

Negara Sivil menurutnya, adalah negara yang memberi jaminan kebebasan kepada rakyat serta kuasa kenegerian ditentukan oleh rakyat “dari bawah ke atas”.

“Sebahagian ulamak Islam seperti Sheikh Yusoff al-Qardhawi serta pemimpin utama (parti) an-Nahdaa pimpinan Rachid Ghannouchi telah bersedia menerima kebebasan dan prinsip demokrasi,” katanya beliau dalam forum Syarahan ‘Negara Madani: Idea dan Cabaran’ - Prof. Tariq Ramadan kendalian Dr. Ahmad Farouk (pengasas *Islamic*

Renaissance Front, IRF) di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, ‘Negara Sivil’ turut menjunjung tinggi nilai keadilan dalam masyarakat dan undang-undang negara.

Disebabkan itu, katanya, rakyat seharusnya tidak menyokong undang-undang yang zalim kerana undang-undang berkenaan lebih menjurus “dari atas ke bawah” serta menguntungkan pemerintah.

Malah katanya, tidak salah bagi pemimpin Islam belajar dari negara-negara sivil di Eropah kerana pentadbiran atau politik adalah perkara-perkara yang fleksibel (donni).

“Politik atau pentadbiran negara secara sivil adalah fleksibel, iaitu boleh menerima maslahah (kebaikan) walaupun datang dari Barat, ia (politik pentadbiran) dalam banyak hal tidak terikat pada sumber yang bersifat qat’i (mutlak) seperti al-Quran dan hadith,” ujar beliau sambil menyeru pemimpin Islam menghayati disiplin Maqasid as-Syariah.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman turut menyampaikan ucapan pembukaan mewakili Kerajaan Negeri.

Salleh Man dilantik YDP MAINPP

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong memperkenan untuk melantik Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkuatkuasa serta-merta sehingga 31 Disember 2013.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman semasa membuat pengumuman tersebut sekaligus dapat menghentikan kekeliruan dalam kalangan umat

Islam yang dicetuskan pihak pembangkang Pulau Pinang sejak penghujung tahun lepas.

“Sebelum ini, jawatan ini (YDP MAINPP) selalu dipolitikkan pihak tertentu dan sukacita menyebut bahawa kita (Kerajaan Negeri) telah menerima surat watikah daripada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong memperkenan senarai baru Ahli Majlis (MAINPP) yang disyorkan.

“Saya berharap, selepas pengumuman ini, isu YDP Majlis tidak akan dipolitikkan

lagi,” ujar Mansor baru-baru ini di Komtar, di sini.

Abdul Malik selaku Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap bekas Yang Dipertua MAINPP.

Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Pulau Pinang, JHEANPP) dan Maktar Shapee (Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap) turut hadir dalam sidang media berkenaan.

Menurut Mansor, Maktar dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua bagi membantu Mohd. Salleh.

Setiausaha Kerajaan Negeri



MANSOR Othman (tengah) menunjukkan surat perkenan Agong melantik Mohd. Salleh Man (kanan sekali) serta Ahli-ahli Majlis MAINPP yang lain sambil diperhati Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus, Faiza Zulkifli (Penasihat Undang-Undang Negeri), Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri), Sohibus Samahah Datuk Seri Hassan Ahmad (Mufti Kerajaan Negeri) adalah empat dari lima Ex-Officio yang menganggotai majlis tersebut.

Mansor berkata, Kerajaan Negeri masih menunggu nama seorang lagi ex-officio bagi menggantikan bekas Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Ayob Yaacob yang berpindah tugas ke Bukit Aman baru-baru ini.

Tujuh dari lapan Ahli Majlis lain adalah Abdul Azizi @ Aziz Che Yaacob, Rosidi Hussain, Zainuddin Haniff, Dr. Wan Salim Mohd. Noor, Afnan Hamimi Taib Azamuddin, Noor Hayati Jaafar dan Dr. Danial Zainal Abidin.

Seorang lagi Ahli Majlis akan diumumkan kemudian bagi mengisi kekosongan bekas Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, Datuk Yusof Musa yang berpindah tugas ke Kuala Lumpur.

SEKITAR RAMADHAN 1433H.

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : ALBUM BULETIN MUTIARA

SABDA Rasulullah S.A.W, "Sesungguhnya telah datang kepadamu bulan Ramadhan bulan yang diberkati,

di mana Allah S.W.T telah memfardhukan ke atas kamu puasa" (Riwayat Abi Hurairah)

Ahlan wa sahlan ya Ramadhan, marhaban bikum."

Bersempena Ramadhan al-Mubarak ini, pelbagai aktiviti penghayatan dan

kebajikan telah dianjurkan di negeri Pulau Pinang termasuk majlis iftar, majlis sahur, solat berjemaah, sumbangan fakir miskin dan moreh. Ikuti liputan dan lensa dirakam Buletin Mutiara sepanjang sambutan bulan Ramadhan 1433H lalu.

MIPHC rai saudara baru

BAYAN LEPAS – "Menariknya Ramadhan tahun ini bagi saya kerana dapat berbuka puasa bersama-sama saudara baru, saudara kita yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan budaya berhimpun sebagai sebuah keluarga besar," ucap Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman pada Majlis Iftar Perdana Hidayah Centre (MIPHC) Pulau Pinang 2012 di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, bagi mereka yang dilahirkan sebagai umat Islam, ibadah puasa telah dididik sejak kecil lagi. Tetapi, bagi golongan mualaf terutama mereka yang berpuasa buat kali pertama, ia sudah tentu menjadi suatu cabaran kerana puasa bukan sahaja menahan lapar dan dahaga, tetapi juga memelihara diri kita dari perbuatan mungkar.

"Syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana kesungguhan dalam melaksanakan ibadah puasa kali ini.

"Mudah-mudahan Madrasah Ramadhan kali ini akan membawa niat jah yang lebih bermakna kepada

kita semua, insyaAllah," ujar Mansor yang turut berterima kasih kepada Hidayah Centre Pulau Pinang (HCPP) kerana menjemput beliau untuk berbuka puasa bersama mualaf di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, beliau turut berkongsi pengalamannya ketika menjalani ibadah puasa pada zaman kanak-kanak dan bersama golongan mualaf.

Bertemakan 'Journey to Jannah', MIPHC kali ini dimeriahkan dengan forum sebelum waktu berbuka. Antara ahli panel yang hadir ialah Ketua Pegawai Dakwah Islamic Information and Services Foundation (IIS), Shah Kirit Kakul Govindji; Pengarah Unit Dakwah, Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, Muhammad Fitri Abdullah dan Timbalan Presiden Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA), Ir. Dr. Muhamad Fuas Yeoh Abdullah. Manakala Muhamad Rizal Mohamad Amin sebagai moderator forum.

Selain iftar, solat Maghrib, Isyak dan



(Dari kiri), SHAH Kirit Kakul Govindji, Ir. Dr. Muhamad Fuas Yeoh Abdullah, Muhammad Fitri Abdullah dan Muhamad Rizal Mohamad Amin bersempena penganjuran MIPHC di sini baru-baru ini.

terawih secara berjemaah turut diadakan. Sumbangan daripada HCPP kepada para saudara baru yang hadir telah disempurnakan oleh Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohd. Rashid Hasnon. MIPHC diakhiri dengan tazkirah dan moreh.

Sehubungan itu, Pengurus Hidayah Centre Pusat, Nicholas Sylvester @ Haji Muhammad Abdullah berkata, MIPHC tahun ini adalah kali yang ke-3 diadakan di Pulau Pinang, ia bertujuan menzahirkan sokongan berterusan kepada saudara baru dan tanda

perjuangan yang tidak pernah padam untuk menyebarluaskan Islam di bumi Allah ini.

"MIPHC merupakan acara tahunan dalam bulan Ramadhan yang bukan sahaja bertujuan untuk menjana dana dalam meneruskan operasi dan kelestarian HCPP, tetapi juga untuk meraikan saudara baru kita.

"Seperti sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud, 'Barang siapa yang melepaskan kesukaran seorang Muslim, Allah S.W.T akan melepaskan satu kesusahannya di hari akhirah', riwayat Muslim," tambahnya.

Sumbangan Aidilfitri kepada 30 golongan tidak bernasib baik

GEORGE TOWN -

"Alhamdulillah, Kerajaan Negeri la ni (sekarang) sangat prihatin terhadap kami golongan orang kurang upaya (OKU) yang sememangnya agak terbatas dalam segala segi," ujar Husaini Bakar, 42, salah seorang penerima Sumbangan Bantuan Aidilfitri 1433H/2012 inisiatif Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Husaini berkata, sejak dua tahun lalu (ketika pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat), beliau dan rakan-rakan yang lain mula menerima bantuan Aidilfitri.

"Harap tahun depan ada lagi bantuan seumpama ini memandangkan kami sukar untuk bergerak ke sana sini nak (hendak) beli barang

keperluan.

"Jadi, memang ini lah yang kami harapkan," ujar Husaini yang hilang upaya untuk melihat sejak kecil ketika ditemui Buletin Mutiara sejurus selepas majlis penyampaian bantuan di sini.

Setiap tahun, Pusat Urus Zakat (PUZ) menyenaraikan nama-nama golongan OKU, fakir miskin dan ibu tunggal yang tercincir dari senarai penerima bantuan Ramadhan. Setiap penerima menerima sumbangan beras, minyak masak, kurma, bijun dan lain-lain bahan asas masakan.

Sumbangan dari PUZ tersebut telah disempurnakan oleh Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

Datuk Abdul Malik Abul Kassim di pejabat beliau di sini.

Tambah Husaini, sumbangan diberikan ini amat berharga dan sedikit sebanyak telah meringankan beban kos hidup yang semakin meningkat.

"Kami (golongan OKU) walaupun mempunyai pekerjaan, tapi agak terbatas dan pemberian ini sangat membantu," ujar Husaini.

Husaini bersama dua rakan lain Shamsuzirani Mat Ripin, 27, dan Zawawi Mat Ali, 40, yang juga merupakan OKU cacat penglihatan adalah antara 30 penerima Sumbangan Bantuan Aidilfitri 1433H/2012 baru-baru ini.



(Dari kiri), ZAWAWI Mat Ali, Husaini Bakar dan Shamsuzirani Mat Ripin bersama sumbangan Bantuan Aidilfitri 1433H/2012 masing-masing di sini baru-baru ini.

SEKITAR RAMADHAN 1433H.

Peruntuk RM215,000 sempena Ihya' Ramadhan 2012

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA - Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukan RM215,000 untuk diaghikhan kepada masjid-masjid di negeri berkenaan sempena Ihya' Ramadan 2012.

RM5,000 disalurkan kepada Masjid Negeri, masjid-masjid daerah masing-masing menerima RM2,000 dan RM1,000 untuk semua masjid kariah.

Itu tidak termasuk enam masjid yang dipilih menerima RM5,000 sumbangan khas daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

"Saya difahamkan Ramadhan adalah bulan mendidik rohani. Sumbangan ini diharap dapat membantu pihak masjid melahirkan masyarakat yang

mempunyai kesederhana tulen, jujur, amanah serta ikhlas bersama-sama Kerajaan Negeri mengeratkan silaturrahim dalam kalangan orang-orang Islam dan bukan Islam," ujar beliau dalam Kempen Kibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-55 di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian sumbangan Ramadhan kepada masjid-masjid Seberang Perai diadakan serentak dengan kempen yang disempurnakan Ketua Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Profesor Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Datuk Abdul Halim Hussein (Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang), Datuk Abdul Malik Abu Kassim (Exco Hal Ehwal Agama,

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar antara dif kehormat yang hadir.

Dalam pada itu, Zakaria Md. Noor, 53, Bendahari Masjid Jamek Batu Kawan - salah satu dari enam masjid terpilih - yang ditemui kemudian merakamkan penghargaan kerana masjid karyahnya dipilih menerima sumbangan RM5,000.

"Yang ini adalah yang terbesar daripada PDC. Saya berasa bersyukur kerana sumbangan ini bakal mengurangkan beban mencari sumber sempena persiapan bulan puasa ini," ujar beliau ketika ditemui di sini baru-baru ini.



<http://www.facebook.com>

ZAKARIA Md. Noor (kanan sekali) berjabat tangan dengan Ketua Menteri sambil diperhatikan Mansor Othman (tengah), Abdul Halim Hussain (dua dari kiri) dan Rosli Jaafar (dua dari kanan) pada majlis sumbangan Ramadhan kepada masjid-masjid Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Abby Abadi turut serta imarahkan Ramadhan

PULAU BETONG - Kehadiran selebriti terkenal, Abby Abadi untuk bersama mengimarahkan sambutan bulan Ramadhan di sini telah membuka peluang kepada penduduk tempatan bersama berkongsi kembara hidayah beliau baru-baru ini.

Bagi Abby, beliau tidak menyangkal bahawa kini hatinya lebih tenang dan amat merasai nikmat hidayah sehingga membuatkannya begitu teruja untuk berkongsi kenikmatan hidup setelah berhijrah.

"Saya nak kawan-kawan merasai nikmat hidayah ini, sebab itulah saya 'share' segala ilmu yang saya dapat di sini."

"Bersyukurlah kerana kita bukan siapa-siapa, tetapi diberikan kekuatan untuk menerima hidayah," ujar Abby pada majlis

Bicara perkongsian Hidayah yang diadakan di perkarangan Masjid Kampung Perlis di sini baru-baru ini.

Majlis yang diadakan setelah selesai solat terawih berjemaah adalah bersempena pelancaran buku, Ajaibnya Hidayah hasil karya Ridzwan Abu Bakar yang menceritakan tentang kembara hidayah oleh Abby sendiri.

Ridzwan turut hadir pada majlis berkenaan.

Dalam pada itu, moderator majlis yang juga Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail menyatakan bahawa program santai bersama Abby adalah untuk membuka ruang serta peluang untuk jemaah yang hadir mengenali beliau dan penghijrahannya.



(Dari kiri), **ABBY** Abadi, Mohd. Tuah Ismail, Ridzwan Abu Bakar ketika sesi perkongsian bersempena majlis Bicara Perkongsian Hidayah di sini baru-baru ini.

"Perubahan serta penghijrahan adalah sesuatu yang positif dan tidak semua orang berpeluang memperolehnya."

"Majlis ini mempunyai signifikannya tersendiri dan

saya percaya para jemaah dapat manfaat daripadanya,"

ujar Mohd. Tuah yang turut menyatakan bahawa majlis ini adalah medan terbaik terutama kepada anak-anak muda dalam mencorak hidup mereka ke arah keberkatan.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan naskah buku tersebut, hubungi Khairul Azli Hamzah di talian 019-265 4255 atau emel, lycansking27@gmail.com.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (bersongkok) meluangkan masa berbuka puasa bersama ahli jemaah masjid di Sungai Bakap di sini, baru-baru ini.



ANTARA golongan asnaf yang hadir ke majlis pemberian sumbangan sempena Ramadhan al-Mubarak di Masjid An-Nur, Titi Teras.



PELBAGAI juadah disediakan sempena Majlis Berbuka Puasa bersama pimpinan negeri di Surau Mak Mandin 1, Butterworth di sini.



KETUA Menteri turut serta bersama-sama jemaah Masjid Cherok To' Kun Bawah, Bukit Mertajam, berbuka puasa. Turut kelihatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Datuk Tan Hock Leong (kiri sekali) dan ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng (kanan sekali).



EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow bersama Ahli-ahli Majlis MPPP ketika mengadakan lawatan ke tapak Bazar Ramadhan di Jalan Phee Choon, George Town baru-baru ini.



ADUN Pantai Jerjak, Sim Tze Tzin (depan, tiga dari kanan) bersama para penduduk menunjukkan tanda bagus di atas sumbangan Ramadhan yang diterima.



(Depan, dari kanan), **KETUA** Pegawai Eksekutif Penang Institute, Zairil Khir Johari, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan **ADUN** Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo ketika majlis berbuka puasa di sini.



PARA petugas Program Juadah Berbuka Percuma Untuk Semua bertungkus-lumus menyediakan lauk-pauk untuk berbuka di Masjid Daerah Balik Pulau di sini.



BARISAN kepimpinan PAS Negeri Pulau Pinang bergambar bersama-sama Ketua Menteri ketika Majlis Iftar di Permatang Pauh anjuran bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man (enam dari kiri).

SERAMBI PENANG INSTITUTE “Meraikan Keagungan Ilmu”

SALAM perjuangan kepada semua pembaca Buletin Mutiara! Selamat datang ke ruang bacaan santai terbaru dalam buletin ini, iaitu ‘Serambi Penang Institute’. Bagi yang masih belum mengenali, Penang Institute merupakan sebuah badan pemikir dan penyelidik dasar kepada kerajaan negeri Pulau Pinang. Ditubuhkan sejak tahun 1997, dengan nama *Socio-economic and Environmental Research Institute* (SERI), kini Penang Institute terus gigih dalam usahanya untuk membawa rakyat bersama-sama menyumbang kepada pembangunan minda di negeri ini.

Meraikan keagungan ilmu. Ya, memang tajuk ini seakan agak tinggi untuk dibincangkan. Namun, dengan keberadaan kita di dalam bulan Ramadhan yang mulia ini, sudah pasti ia bukan suatu topik yang asing atau aneh untuk kita sembangkan. Ramadhan, bulan kesembilan dalam kalender Hijriyyah, mengajak seluruh umat Islam untuk menghayati nilai pengorbanan, kepayahan, sikap ambil peduli dan rendah diri. Ini merupakan nilai-nilai utama yang wajar kita ambil dari pengajaran Ramadhan. Di sebalik nilai-nilai asas ini, barangkali ramai di antara kita yang lupa akan peranan Ramadhan sebagai sebuah institusi ilmu, yakni sebagai sebuah madrasah yang meraikan keagungan ilmu!

Intipati Ramadhan sebagai bulan ilmu itu dapat kita telusuri dengan peristiwa besar Nuzul Qur'an yang baru kita sambut beberapa hari lalu. Pada kejadian inilah, turunnya wahyu pertama di Gua Hira' kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Seruan pertama dari Surah al-Alaq, yang dimulakan dengan kalimah 'Iqra' Bismirabbikalladzi Khalaq' (Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang menciptakan) padat dengan pesanan penting buat umat manusia. Nah, di sinilah titik sinar yang menyinari seluruh dunia dan alam semesta. Ilmu yang diajarkan kepada kita ini, bukan hanya untuk dibaca, bahkan diminta agar kita meyakininya, seterusnya diamalkan untuk kebaikan dan kemaslahatan umat manusia seluruhnya.

Atas prinsip dan semangat ini jugalah, Penang Institute tidak

pernah jemu-jemu untuk mengajak umum, khususnya rakyat Pulau Pinang untuk bersama-sama memeriahkan program-program meraikan keagungan ilmu.

Tahun 2011 dan 2012 merupakan dua tahun yang cukup progresif bagi Penang Institute dengan pelaksanaan beberapa siri program keilmuan yang dikira sebagai perintis dan pencetus kepada kebangkitan ilmu di rantau ini.

Program keliumaan ini merangkumi Forum Nusantara, sebuah siri canai ilmu yang mengupas isu-isu bahasa, kebudayaan dan tokoh-tokoh ilmuwan di rantau Nusantara. Forum ini telah berjaya dilaksanakan selama lima kali dan berjaya membuka dimensi baru dalam membincangkan tajuk-tajuk serantau yang dinamik. Kemudian, Penang Institute atas prinsip kebenaran dan keadilan telah menjalankan beberapa siri program pendedahan salahlaku kerajaan pusat yang dikira melibatkan wang rakyat bernilai berbilion ringgit. Bermula dengan Dialog Belanjawan 2012, di mana rakyat diajak mengkritik dan mencadangkan penambahbaikan kepada pengurusan perbelanjaan kerajaan pusat.

Seterusnya, disusuli dengan pendedahan dua kes yang menggegarkan negara, iaitu Kes Skandal Zon Bebas Cukai Pelabuhan Klang (PKFZ) dan pendedahan ekslusif tentang Skandal Tukaran Mata Wang Asing (FOREX) yang dilakukan oleh Bank Negara dalam pertengahan 90-an. Diskusi ini walau di satu sudut nampak sensasi, namun ia telah berjaya membuka mata rakyat akan salah guna kuasa oleh pemerintah dan dalam masa yang sama mendesak agak pesalah-pesalah segera dihadap ke muka pengadilan.

Penang Institute tidak berhenti setakat itu sahaja. Pada April 2012, institut ini telah memperkenalkan kaedah baru untuk berkongsi maklumat

dengan rakyat. Kami telah berjaya mendapat kelulusan untuk mengadakan tayangan dokumentari ‘Urbanized’, iaitu sebuah filem khas berkenaan kesedaran mengatur semula sistem perbandaran, yang

memparkan pengisahan dari 10 buah bandar-bandar utama di dunia. Tayangan ini mendapat sambutan yang

amat menggalakkan, dan Penang Institute berjaya membawanya ke negeri-negeri lain!

Seterusnya, kesungguhan institut ini dalam agenda ilmu, khusus dalam tadbir urus negara yang bersih dan amanah ditunjukkan dalam penganjuran persidangan Gabungan ASEAN untuk Kerajaan yang Bersih, atau (*ASEAN Coalition for Clean Governance*) pada tanggal 25 Jun 2012. Persidangan yang julung kali diadakan di rantau ini berjaya mengumpulkan para pimpinan politik dan cendekiawan dari negara-negara ASEAN yang komited untuk membanteras rasuah dan salahguna kuasa, ke arah sebuah sistem urus negara yang bersih. Antara pemimpin-pemimpin ulung yang turut serta dalam persidangan tersebut adalah Abhisit Vejjajiva, bekas Perdana Menteri Thailand, Dr. Anwar Nasution, bekas Ketua Audit Indonesia, serta Datuk Ambiga Sreenevasan, pengurus bersama Bersih 2.0. Impak utama program ini adalah dengan termeterainya sebuah resolusi 10 perkara yang perlu dilaksanakan dengan gigih di negara masing-masing.

Demi menyerap semangat Ramadhan, sebuah siri khas *Penang in Asia Lecture* telah diadakan buat kali ketiga, beberapa hari sebelum menjelang Ramadhan. Pihak institut berasa amat bertuah, kerana telah berjaya mendatangkan seorang tokoh hebat dalam dunia Islam kontemporari. Beliau yang tidak asing lagi, adalah Profesor Tariq Ramadan. Berucap dalam rangka tema besar, bertajuk “Islam, Demokrasi & Hak Asasi Manusia: Kebangkitan Dunia Islam”, Prof. Tariq telah berjaya memecah

tembok penghalang yang selama ini telah memisahkan kesatuan kefahaman di antara dunia barat dan dunia Islam. Pesanan beliau yang amat berguna kepada hadirin yang berbilang agama dan kaum adalah, seruan membuang persepsi negatif terhadap Islam dan saranan supaya semua agama dengan asas moral yang sekata, agar bersama-sama dengan Islam demi mewujudkan sebuah dunia yang lebih aman.

Justeru, marilah kita sama-sama mengambil semangat Ramadhan ini untuk terus dibawa merentasi 11 bulan yang mendatang. Penang Institute

akan tetap terus komited memastikan Pulau Pinang tidak sunyi dari diskusi ilmu yang bermanfaat dalam mengubah diri, keluarga, komuniti dan seterusnya negeri yang kita cintai ini. Adalah diharapkan, agar Ramadhan tahun ini adalah lebih baik dari tahun sebelumnya, dan sama-sama kita doa agar Allah S.W.T. kurniakan kita dengan kesungguhan untuk terus mendalamai ilmu dan menjadi rakyat yang kaya maklumat.

Akhir sekali, saya mewakili warga kerja Penang Institute ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin!

SYED MIKAEL RIZAL AIDID
Eksekutif Komunikasi & Program
Penang Institute



JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tender berikut :

Bil.	No. Tender JKNPP	Tajuk Projek	Tarikh Lawatan Tapak	Tarikh dan Masa Tender Ditutup
1.	JKNPP 8 / 2012	Tender Penyertaan Gerai Jualan, Pameran dan Medan Selera Pesta Pulau Pinang Tahun 2012 yang akan berlangsung dari 01 Disember 2012 hingga 01 Januari 2013	Tarikh : 03 September sehingga 07 September 2012. (Isnin - Jumaat) Tempat : Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang Jam : 9.00 Pagi - 4.00Petang. (Isnin - Kamis) 9.00 Pagi - 12.00 T/hari (Jumaat)	Tarikh : 14 Sept. 2012 (Jumaat) Jam : 12.00 T/hari

1. Petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah mendapatkan Borang Tender ini di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak diatas. Bayaran RM 10.00 dikenakan bagi setiap Borang Tender yang dijual dan **satu Borang Tender hanya terhad untuk satu lot sahaja**. Borang Tender **tidak boleh difotostat**. Petender yang menggunakan borang yang difotostat tidak akan dipertimbangkan.

2. Petender boleh mendapatkan maklumat mengenai lot-lot yang hendak ditender semasa lawatan tapak dijalankan. Pembahagian lot-lot gerai dan kawasan lapang adalah mengikut sektor-sektor berikut :

- Permaidani
- Tekstil dan Pakaian
- Produk berasaskan kayu, Bingkai hiasan gambar dll.
- Automotif
- Pocket Mini Bikes
- Elektrik & Elektronik
- Produk Perubatan Tradisional,
- Herba, Gamat dan yang berkaitan
- Kraftangan / Batik
- Produk keluaran kilang
- Produk Kesihatan
- Produk Pelancongan
- Pengeluar Makanan & Minuman
- Hiasan Dalaman/Landskap
- Makanan dan Minuman Ringan
- Industri Kecil & Sederhana
- Permainan Kanak-Kanak / Belon
- Industri Kecil & Sederhana
- Benih-benih tanaman

3. Bagi lot untuk **Medan Selera** adalah dihukum untuk perniagaan **makanan dan minuman sahaja** dan lebih diutamakan kepada **makanan tempatan** yang mempunyai **tarikan tersendiri**. Maklumat mengenai lot-lot yang ditawarkan boleh didapati semasa lawatan tapak dijalankan.

4. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang di tender di **penjuru sebelah kiri sampul**. Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tender di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang**. Tarikh tutup tawaran tender ini ialah pada **14 September 2012 (Jumaat)** jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Draft Penang Transport Master Plan

Stakeholder engagement and public consultation report

Restriction In Interest: This land is not capable of being transferred, conveyed or disposed, charged, leased or sub-leased in the 2 years from registration of the transfer to the first purchaser without the consent in writing of the State Authority. After this period consent from the State Authority is not required for any transaction. This restriction is in conformity with clause 17.1(f) (ii) of the Agreement. All art renderings shown are artist's impression only. All information and specifications are current at the time of going to the press and are subject to amendments as may be approved or required by the relevant authorities and/or the architect. Not to be treated as an offer for sale.

P. Pinang tuan rumah APEC 2012

BAYAN BARU - Persidangan Ekopelancongan Asia Pasifik (APEC 2012) hasil kerjasama Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaran Malaysia (Matta) dan Kerajaan Negeri bakal berlangsung pada 28 hingga 30 November ini di Hotel Eastin bertemakan slogan 'Kembali kepada Alam Semulajadi'.

Presiden Matta, Datuk Mohd. Khalid Harun berkata, matlamat utama persidangan tersebut adalah untuk mempromosikan ekopelancongan atas dasar pemuliharaan alam sekitar, mengekalkan ekologi dan ekopelancongan sebagai salah satu

produk industri.

"APEC adalah satu persidangan yang agak memberangsangkan yang mana kira-kira 300 peserta tempatan serta luar negara dijangka menyertai persidangan yang turut mengetengahkan para penggerak industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik dalam bidang kepakaran masing-masing ke arah mencapai kata sepakat bagi masa depan ekopelancongan yang mapan."

"Umumnya, para peserta berpeluang mempelajari dan meningkatkan kesedaran mengenai ekopelancongan selain bertukar-

tukar pendapat berhubung tujuan pemuliharaan alam sekitar," ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Law Heng Kiang, Pengurus Matta Pulau Pinang, Johari Shafie.

Dalam pada itu, Heng Kiang memberitahu, pemilihan Pulau Pinang sebagai tuan rumah adalah amat bertepatan memandangkan negeri ini kini lebih bersih dan hijau sebagaimana slogan dilaungkan Kerajaan Negeri.

"Pulau Pinang mempunyai banyak tempat menarik untuk



LAW Heng Kiang (duduk, tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama Mohd. Khalis Harun (duduk, tiga dari kiri) dan Johari Shafie (duduk, dua dari kanan) selepas majlis sidang media pengumuman penganjuran APEC 2012 di sini baru-baru ini.

diterokai dan dipromosikan sebagai produk pelancongan, contohnya, kita (Pulau Pinang) mempunyai Taman Negara yang amat sinonim dengan ekopelancongan yang menawarkan pengalaman suasana paya bakau, persisir pantai, dataran lumpur, kolam meromiktik dan hutan hujan tropika semulajadi kepada para pengunjung.

"Selain itu, Bukit Bendera, Ladang Rempah, Taman Botani berusia hampir 200 tahun juga wajar dijadikan pilihan baik sebagai destinasi pelancongan.

"Ini adalah permulaan apabila siapnya projek Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (spICE) kelak, lebih ramai delegasi dijangka hadir ke sini untuk menganjurkan persidangan secara besar-besaran," ujarnya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

CHOW Kon Yeow (tengah), Phee Boon Poh (kiri sekali) dan Ir. Ang Aing Thye menunjukkan carta Tapak Pelupusan Sampah Jelutong yang bakal ditebusguna untuk dijadikan taman dan pembangunan bercampur kelak di Komtar baru-baru ini.



Tapak Pelupusan Sampah Jelutong bakal dibangun sebagai taman

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN - Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) diberi tanggungjawab untuk mengendalikan projek merancang dan pemulihan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong untuk dibangunkan sebagai taman serta pembangunan bercampur kelak.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, kata putus itu dicapai pada satu mesyuarat dipengerusikan Y.A.B. Ketua Menteri pada 11 Julai lalu.

"PDC telah diberikan tanggungjawab ini dan diarahkan untuk melantik perunding serta menyediakan *request for proposal (RFP)* untuk perlombongan dan penambakan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong dalam tempoh 3 bulan bagi tujuan dibangunkan sebagai taman dan pembangunan bercampur.

"Ini kerana Tapak Pelupusan Sampah Jelutong yang telah beroperasi sejak tahun 1992 tidak lagi sesuai digunakan untuk pembuangan sisa-sisa organik ekoran masalah pencemaran dan terlalu dekat dengan pembangunan perumahan. Malah, beberapa kebakaran juga telah berlaku sebelum ini sehingga menimbulkan rungutan penduduk berhampiran," katanya pada satu sidang akhbar di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar,

Phee Boon Poh dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye.

Kon Yeow memberitahu, apabila lokasi tersebut ditebusguna kelak, ia mampu meningkatkan nilai guna tanah di kawasan sekelilingnya dan dapat menyelesaikan rungutan penduduk berdekatan. Pada masa sama, ia dapat menjimatkan kos penyelenggaran tahunan MPPP kira-kira hampir RM 1 juta.

"Cara mesra alam akan digunakan untuk menguruskan tapak berkenaan bagi mengurangkan pengeluaran metana dan juga kesan karbon," jelasnya sambil menyatakan bahawa inisiatif tersebut adalah salah satu projek hijau yang perlu dilaksanakan untuk generasi akan datang.

Tambah beliau, anggaran jangka tempoh pemulihan antara lima hingga 10 tahun melibatkan anggaran kira-kira keberatan sampah mencecah 10.5 juta tan.

"Ini kerana, purata berat harian bahan yang diterima adalah 1,142 tan yang terdiri daripada binaan, tanah korekan, sampah pukal dan sampah kebun.

"Ekoran kepadatan dan lokasi Tapak Pelupusan Sampah Jelutong, sisa-sisa organik tidak lagi diterima di sini sebaliknya ia dihantar terus ke Tapak Pelupusan Sampah di Pulau Burong, Seberang Perai Selatan," ujar Kon Yeow.

6 kawasan diwartakan sebagai Zon Bebas Asap Rokok

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN - Demi melindungi hak masyarakat daripada kesan perokok pasif, Pulau Pinang telah mengambil inisiatif mewartakan enam kawasan sebagai Zon Bebas Asap Rokok bertepatan dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia di bawah Article 8, *Framework Convention on Tobacco Control*.


Menurut Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, pelaksanaan Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) juga adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan komuniti mengenai kesan perokok pasif melalui aktiviti promosi dan advokasi.

"Pelaksanaan PENBAR dilihat mampu mengurangkan risiko perokok pasif sekaligus mengurangkan bilangan perokok di negeri ini dan meningkatkan kawasan bebas asap rokok di Pulau Pinang.

"Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti enam kawasan rekreasi untuk diwartakan sebagai Zon Bebas Asap Rokok.

"Manakala bagi kawasan melibatkan kependudukan dan aktiviti komersial, pelaksanaan akan dijalankan melalui tiga fasa iaitu fasa pertama di Tapak Warisan Dunia George Town, fasa kedua kawasan lain yang akan dikenalpasti di zon Pulau dan fasa ketiga di Seberang Perai," ujar Boon Poh pada sidang akhbar Hebatan Awam PENBAR dan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dan Persatuan Warisan Pulau Pinang (PHT) di sini baru-baru ini.

MoU ditandatangani MySihat diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Yahya Baba dan PHT diwakili Presidennya, Khoo Salma Nasution disaksikan Boon Poh di



POSTER PENBAR.

pejabatnya.

Enam kawasan rekreasi tersebut ialah Taman Perbandaran, Jalan Utama; Botanical Garden, Jalan Air Terjun; Empangan Air Itam; Empangan Telok Bahang; Taman Bandar Ampang Jajar dan Empangan Mengkuang, Berapit.

Di bawah Subperaturan 11(1), Peraturan Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, pindaan 2012, terdapat 21 kawasan larangan merokok telah diwartakan antaranya, di dalam lif atau tandas awam, di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan dan di dalam mana-mana bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan.

Jika disabitkan dengan kesalahan, perokok boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun.

"Walau bagaimanapun, pada peringkat awal pelaksanaan, penguatkuasaan akan dijalankan secara nasihat dan teguran (*educational enforcement*) bagi suatu tempoh yang akan ditentukan kelak," jelas Boon Poh.

Bantuan ceriakan Aidilfitri keluarga Che Doh

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

BAYAN LEPAS – Bagi meringankan beban dan memeriahkan sambutan Aidilfitri sebuah keluarga kurang bernasib baik, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan beberapa agensi tampil menghulurkan bantuan di Kampung Bukit, Bayan Lepas baru-baru ini di sini.

Exco terbabit, Datuk Abdul Malik Abul Kassim merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata, bantuan yang dihulurkan adalah bagi meringankan beban keluarga, Che Doh Karia menjelang Aidilfitri tidak lama lagi.

“Keluarga ini sangat-sangat memerlukan bantuan. Walaupun sumbangan yang diberikan tidaklah seberapa hanya sekadar sedikit keperluan dapur dan barang makanan, tetapi ternyata anak-anak kecil (cucu Che Doh) ini sangat gembira.

“Diharap kunjungan kedua dan bantuan ini dapat menampung keperluan mereka sekeluarga.

“Selain itu, kita mengalui-alukan segala bentuk bantuan yang boleh dihulurkan bagi meringankan beban mereka sekeluarga seperti bantuan persekolahan untuk anak-anak dan juga bantuan kesihatan buat kedua orang tua yang telah uzur,” ujar Abdul Malik ketika



WAJAH ceria cucu-cucu Che Doh selepas menerima barang sumbangan.

lawatan ke kediaman Che Doh di Kampung Bukit baru-baru ini.

Turut serta, Pengurus Pertubuhan Wanita Prihatin Pulau Pinang, Sharifah Noorriati Syed Amirudin, Setiausaha Pertubuhan Wanita Mutiara, Datin Nor Azlina Mat Kharsa, wakil Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ketika lawatan tersebut, Che Doh tidak berada di rumah cuma anaknya, Noorsamila Ratna Mohd. Noor, 33, yang menyambut kedatangan delegasi berkenaan.

Antara sumbangan yang disampaikan adalah bantuan duit Hari Raya oleh ZPP dan juga barang makanan.

Terdahulu, ketika kunjungan pertama, semua ahli keluarga

Che Doh telah dibawa ke sebuah pusat membeli-belah bagi memilih sendiri dan membeli sepasang pakaian baru untuk Aidilfitri.

Abdul Malik memberitahu, rumah yang didiami kini adalah di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang diterima Che Doh sejak tahun 2010 oleh pihak JKM dengan kelengkapan tiga buah bilik. Bilik-bilik tersebut diduduki 12 individu yang mana lapan daripadanya adalah kanak-kanak berusia antara dua bulan sehingga 15 tahun.

Dalam pada itu, Noorsamila menyatakan bahawa beliau terpaksa berhenti kerja sebagai pembantu restoran di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan



Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada Noorsamila Ratna Mohd. Noor (duduk) sambil diperhatikan Nor Azlina Mat Kharsa (berdiri, tengah) sempena lawatan ke kediaman keluarga tersebut di Kampung Bukit, Bayan Lepas baru-baru ini.

Lepas (LTABL) bagi memberikan tumpuan menjaga anak-anaknya seramai lapan orang.

“Mak dan abah semakin uzur dan tidak mampu menjaga anak-anak saya yang ramai sehingga memaksa saya berhenti kerja bagi memberikan sepenuh perhatian kepada mereka yang masih kecil. Keadaan ini telah menyebabkan pendapatan harian bagi menampung keluarga turut terjejas.

“Suami hanya bekerja kampung dan ayah pula kadangkala bekerja

sebagai pembantu di pasar Bayan Lepas untuk menambahkan pendapatan harian kami.

“Mujurlah ada bantuan JKM sebanyak RM450 sebulan, mampulah sedikit sebanyak menampung kehidupan keluarga kami yang besar walaupun terpaksa berjimat cermat untuk membiayai persekolahan anak-anak serta menampung keperluan dapur,” ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beramal pada sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersama *The Penang Toy Stories Project Committee* dan *Penang Mental Health Association (PMHA)* bakal bekerjasama dalam penganjuran Hari Kanak-Kanak Sedunia peringkat negeri Pulau Pinang bertemakan makanan dan keseronokan.

Dalam pada itu, PHMA juga bakal membantu melakukan terapi kepada kanak-kanak yang sukar menelaah pelajaran. Ekoran sambutan hangat berhubung penganjuran tahun lalu dengan kehadiran seramai 3,000 pengunjung, sasaran penganjuran tahun ini adalah lebih tinggi.

Malah, pihak penganjur turut menyasarkan kutipan jualan sebanyak

RM50,000 sebagaimana tahun lalu untuk disalurkan kepada PMHA bagi membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran.

Acara tersebut bakal berlangsung pada 4 November ini dari 9 pagi hingga 3 petang di Taman Perbandaran Persiaran Kuari, di sini.

Antara aktiviti menarik yang disediakan adalah persembahan kanak-kanak tadika, pertunjukkan muzikal, *choral speaking*, *jigsaw puzzle*, menunggang kuda, mini zoo, pameran, demo memadam kebakaran kepada kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan dan pelbagai lagi.

Pengarah projek Hari Kanak-Kanak Sedunia, Dr Sim Joo Seng menyeru orang ramai turut serta memberi sokongan dan beramal melalui penganjuran program berkenaan.



DR. Sim Joo Seng (kanan sekali) dan Betty Chew (dua dari kanan) membuka tirai pelancaran simbolik Hari Kanak-kanak Sedunia 2012 peringkat negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Presiden Pertubuhan Wanita Pulau Pinang, Betty Chew yang turut hadir pada majlis itu turut menyatakan hasrat sama.

“Marilah sama-sama kita menjayakan program ini bagi meringankan beban kanak-kanak memerlukan supaya mereka dapat

membesar pada persekitaran yang sihat dan cergas,” ujarnya.

Penganjuran tersebut turut menerima penajaan dari Syarikat Minuman Sunquick, Petronas, Kolej SEGi dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang.

Pembakar usang tidak jejas kualiti kuih Sri Ayu Halimatun

Oleh : YAP LEE YING

Gambar : ALISSALA THIAN

SETIAP hari di dapur kecilnya, Halimatun Halipah, 37, bekerja selama 14 jam setiap hari bagi menambah pendapatan keluarganya.

Rutin ditempuhi selama 14 tahun tidak pernah mengagalkan semangat ibu kepada tiga cahaya mata tersebut untuk menghasilkan kuih Sri Ayu yang enak sekali untuk para pelanggannya.

Walaupun hanya berbekalkan dua buah dapur pembakar kecil yang diletakkan di perkarangan luar kediamannya, Halimatun mampu menghasilkan 1,000 biji kuih Sri Ayu setiap hari. Jumlah tersebut tidak termasuk tiga jenis kuih lain iaitu kek kukus, apung dan kuih Mas Ayu yang turut menjadi permintaan tinggi dalam kalangan penduduk tempatan serta luar.

“Setiap hari, saya mula ‘kerja’ pada pukul 8 pagi dan hanya selesai semua pada pukul 10 malam. Dalam pada itu, saya juga mengambil anak dari sekolah, menyiapkan kerja-kerja rumah dan juga masak untuk keluarga.



PEMBAKAR yang digunakan.

“Mula-mula memang rasa penat, tapi, lama-kelamaan, dah biasa,” kata Halimatun ketika ditemui di kediamannya di Sungai Acheh, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Dasarnya, Halimatun yang berasal dari Perlis tidak mempunyai minat untuk berkecimpung dalam industri pembuatan kuih. Namun, minatnya dalam bidang perniagaan merupakan faktor pendorong utama kepada pencapaian beliau kini.

“Semuanya bermula selepas saya mendirikan rumah tangga dan berpindah ke sini (Sungai Acheh). Atas niat untuk menambah pendapatan keluarga dan juga dorongan daripada suami serta ibu mertua, akhirnya saya mengambil keputusan untuk cuba membuat kuih Sri Ayu.

“Kenapa Sri Ayu? kerana kuih tersebut adalah lain dari yang lain,” jawabnya ringkas.



RUPA bentuk kuih Sri Ayu.



Kuih Mas Ayu.

Tidak dinafikan, pada peringkat permulaan, resipi yang diperoleh daripada ibu saudara beliau tidak menjadi sebagaimana diduga. Atas semangat dan dasar tidak putus asa, Halimatun belajar sendiri dan selepas tempoh dua hingga tiga bulan, resipi kuih Sri Ayu beliau akhirnya menjadi!

Pada peringkat permulaan, hanya 200 biji kuih yang dijual. Ekoran keenakannya, permintaan daripada pelanggan kian meningkat sehingga 1,000 biji kuih dihasilkan setiap hari dan lebih 2,000 biji sepanjang musim Ramadhan.

Selain sekolah-sekolah di Sungai Bakap, SPS, kuih Sri Ayu berserta tiga jenis kuih lain turut dipasarkan di Bandar Baru, Parit Buntar dan lain-lain.

Ini tidak termasuk tempahan semasa diterimanya.

“Kuih ni saya buat seorang cuma kadang-kala terdapat seorang pembantu yang tololong masukkan kelapa pada dasar

bekas kuih.

“Malah, setiap hari pada pukul 5.30 pagi, suami akan hantar kuih-kuih yang telah siap ke sekolah-sekolah sebelum ke tempat kerja. Semua penghantaran dibuat sendiri,” jelasnya sambil menyatakan bahawa suaminya bekerja sebagai seorang pemandu lori.

Berbicara mengenai cabaran



HALIMATUN Halipah.

dihadapi, Halimatun tidak menafikan bahawa persaingan adalah faktor utama. Malah, kadang-kala kuih yang dipasarkan tidak habis dijual.

Bagi perancangan masa depan, beliau begitu mengharapkan terdapat pihak yang tampil menghulurkan bantuan mesin, peralatan dapur serta ruang yang lebih selesa untuk pelaksanaan kerja-kerja hariannya.

“Memang tersirat dalam hati nak buat lebih dan tingkatkan penghasilan kuih serta produk. Namun, sumber kewangan saya adalah amat terhad,” ujar beliau sambil menunjukkan keadaan dua pembakar usang yang digunkannya.

Bagi Halimatun, walaupun terpaksa akur dengan kekurangan dapurnya, apa yang penting adalah mengelakkan kualiti kuih dihasilkan.

“Secara purata, kuih Sri Ayu dapat bertahan selama dua hari. Sekiranya disejukbekukan, ia dapat bertahan selama tiga hari (perlu dikukus semula untuk dimakan).

“Sekiranya tiada kelapa, tempoh ketahanannya adalah selama empat hingga lima hari,” katanya.

Bagi Buletin Mutiara, kuih Sri Ayu Halimatun adalah yang paling enak pernah dirasai!

Tempahan, hubungi :
Halimatun Halipah
014 – 743 3927

Perkaya peranan zakat basmi kemiskinan – Dr. Mujahid

KEMUNCAK pada ibadah berpuasa tidak lengkap sekiranya tidak dikeluarkan zakat sebelum memenuhi perayaan fitrah, iaitu Hari Raya Puasa.

Di Pulau Pinang, urusan zakat ini dilakukan oleh Zakat Penang. Ikuti wawancara wartawan Bulatan Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama Ahli Lembaga Pengarah Zakat Penang, **DATUK DR. MUJAHID YUSOF RAWA**.

BM : Bolehkah Datuk jelaskan serba sedikit mengenai urusan zakat di negeri ini?

MUJAHID : Apabila kita mengambil alih Lembaga Urus Zakat Pulau Pinang, kita dapat terdapat beberapa kelemahan dilakukan ahli lembaga pengarah yang lepas.

Antara amalan pengurusan ahli lembaga pengarah yang dulu adalah mereka tidak terlibat bersama-sama dalam menyumbang idea. Mereka hanya datang mesyuarat serta menerima laporan mengenai urus zakat saja.

Sekarang, kita

(a h l i

lembaga pengarah Zakat Penang) buat polisi bahawa setiap ahli lembaga pengarah itu sendiri mengeluarkan idea-idea bagaimana institusi ini boleh mengangkat martabat ummah Islam.

Kemudian, idea-idea yang baru dan dinamik ini akan diselaraskan dalam mesyuarat lembaga pengarah dari segi kebolehlaksanaannya di peringkat pengurusan. Itu pertama yang kita buat.

Kedua, hasil penilaian pengurusan terus zakat di negeri ini, ahli lembaga pengarah yang baru mencari solusi baru.

Kita tak kata semua model pengurusan diperkenalkan lembaga pengurusan dulu adalah tidak baik, tapi, kita melakukan pemberian pada sesetengah hal pengurusan.

Kelemahan pada pengurusan ahli lembaga pengarah urus zakat yang dulu tetap ada, antaranya, sesetengah ahli lembaga pengarah tak banyak berfungsi secara wajar, dinamik dan progresif.

BM : Menyentuh mengenai ahli jawatankuasa, apakah mereka mempunyai peranan atau tanggungjawab khusus?

MUJAHID : Sepatutnya setiap ahli lembaga mempunyai jawatankuasa tersendiri (seperti) promosi, perumahan, ekonomi, pembangunan asnaf dan sebagainya.

Kita cuba gerakkan jawatankuasa ini terlebih dahulu di peringkat ahli lembaga pengarah.

Ini kerana, sebagai

ahli lembaga pengarah, kita banyak mempengaruhi dasar-dasar dilaksanakan di peringkat pengurusan.

Dari situ, kita membuat beberapa penstrukturkan semula seperti jawatankuasa ini mesti berperanan memberi idea-idea.

Kita melihat peranan ini sangat besar jika benar-benar mahu melakukan satu permulaan yang baru.

Maka, kita mengadakan suatu khemah kerja di Gunung Jerai. Dalam perkhemahan kerja yang cukup bermakna itu, kita telah bedah balik beberapa kekurangan supaya ada lonjakan baru dalam institusi ini.

BM : Apakah hasil pemukiman itu?

MUJAHID : Hasil mesyuarah itu, kita telah mendapat beberapa tujuan penting. Antaranya, kira perlu membuat sasaran kutipan. Tahun ini, kita sasarkan kutipan zakat sebanyak RM 100 juta.

Sasaran ini berdasarkan pada statistik umat Islam di negeri ini yang menurut pendapat kita, mereka ini gagal untuk mengeluarkan zakat.

Kalau dulu, kutipan zakat ini kalau ya pun mempunyai sasaran, Tetapi sasaran itu tidak berpandukan pada statistik, caranya biasa sahaja. Sekarang, semua keputusan pengurusan atau membabitkan dasar-dasar institusi mesti berdasarkan fakta dan statistik.

Kedua, sebagaimana kita melihat kutipan zakat itu penting, penting juga untuk setiap orang yang mengeluarkan zakat ini melihat dan percaya bahawa proses agihan akan dilakukan secara telus.

Agihan itu, orang kata, dibuat secara adil kepada semua asnaf yang layak. Maka, kita sekarang sedang giat meningkatkan budaya integriti dalam urusan agihan ini.

Aspek integriti yang dititikberatkan di sini adalah mengenai aspek kelayakan dan

mempercepatkan urusan agihan zakat ini.

Dulu, kena tunggu masa pihak berwajib lapang untuk beri sumbangan zakat, sekarang tidak, beri terus kalau lulus permohonan dan tak perlu tunggu sampai dua (hingga) tiga minggu.

Proses mempercepatkan urusan dengan birokrasi yang lebih mudah ini penting supaya institusi dilihat telus dan dipercayai.

BM : Ada pendapat mengatakan bahawa institusi ini tidak lagi berada pada landasan yang wajar disebabkan menerima pengaruh orang politik. Datuk boleh komen?

MUJAHID : Kita juga melihat hubungan kita (Pusat Urus Zakat Pulau pinang) dengan Kerajaan Negeri dari segi bahawa kita adalah sebahagian daripada agensi Kerajaan Negeri yang akan berlandaskan polisi-polisi mereka.

Sebagai contoh, agenda Kerajaan Negeri untuk menghapuskan kemiskinan, kita ada peranan di situ sungguhpun khusus untuk orang Islam, dasar-dasar serta amalan pengurusan kita mesti selari dengan cita-cita Kerajaan Negeri.

Sebab itulah, saya serta beberapa peribadi yang lain dilantik dari kalangan mereka yang berlatarbelakang politik supaya aspirasi Kerajaan Negeri ini mampu direalisasikan.

Bukan kita mahu menggunakan institusi ini untuk kepentingan politik, tetapi supaya aspirasi Kerajaan Negeri untuk membasmikan kemiskinan umpamanya mampu dicapai.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa institusi ini semasa era Barisan Nasional memerintah Kerajaan Negeri dianggap cuba dipolitikkan. Golongan tertentu dikatakan menerima manfaat atas kedudukan politiknya.

Dalam ‘Pemukiman Gunung Jerai’, kita menegaskan bahawa ahli politik yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah hanya

‘Rakan’ Pusat Urus Zakat yang tidak boleh mempengaruhi proses pelaksanaan prosedur pengurusan di institusi tersebut.

Kita nak urusan dilakukan secara profesional, bukan ikut telunjuk ahli politik.

BM : Sepanjang menjadi ahli lembaga, bagaimana pula mengenai cabaran di institusi umat Islam ini?

MUJAHID : Cabaran banyak. Salah satunya, budaya profesionalisme. Bercakap mengenai profesionalisme, kami juga cuba meningkatkan peranan ‘amil’ (jurulatih zakat). Kalau dulu, amil tunggu di masjid saja. Tetapi kini mereka sudah dilatih seperti agen insurans yang mencari pemberi dan penerima zakat.

Saya sendiri terlibat dalam jawatankuasa promosi sedang cuba mendekatkan diri dengan sektor korporat. Pertama, golongan korporat negeri ini dan yang kedua di Kuala Lumpur.

Kedua, kita imejkan semula institusi ini menjadi Zakat Penang dengan logo yang baru. Semua ini untuk meyakinkan pelanggan kira, isu pemberi dan penerima zakat.

BM : Sebagai pengakhiran, apakah harapan Datuk yang mungkin mahu dikongsi dengan pembaca BM?

MUJAHID : Harapan saya, bagaimana institusi ini boleh mengeluarkan golongan-golongan layak menerima zakat menjadi golongan yang layak menyumbang zakat.

Di Zakat Penang ini, kita membantu golongan asnaf dari segi membina kemahiran serta memberi pinjaman tanpa faedah seperti mikro kredit Islam supaya mereka boleh keluar dari dunia kesempitan hidup.

Dengan cara ini, mungkin hasrat membasmikan kemiskinan boleh dilakukan secara dinamik dan konstruktif. Dengan sokongan Kerajaan Negeri dan budaya pengurusan yang profesional, kita yakin ia boleh direalisasikan dan diteladankan di negeri-negeri lain.



Hari Ulang Tahun Ke-38 saksi MPSP dalam peta dunia

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

BUKIT MERTAJAM - Hari Ulang Tahun Ke-38 penubuhan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini mencipta sejarah tersendiri apabila menjadi satu-satunya pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negara yang dimuatkan dalam peta dunia.

Yang Dipertua, Maimunah Mohd. Shariff berkata, pengiktirafan peringkat global itu sekaligus menjemput wakil Majlis untuk menghadiri satu persidangan berprestij di Barcelona, Sepanyol dalam tahun ini.

"Kita sangat gembira kerana MPSP dimuatkan dalam peta dunia. Kita dijemput ke Barcelona untuk menyertai pembentukan

jawatankuasa baru (mengenai PBT) di peringkat dunia.

"Sesungguhnya kos menghantar wakil kita (MPSP) ke Barcelona bukanlah begitu murah. Maka, kita akan cuba mencari tajaan selain mendapatkan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) jika boleh," ujar beliau semasa menyampaikan ucapan alu-aluan di Dewan MPSP, Bandar Perda, di sini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow turut menyampaikan ucapan kemuncak seterusnya merasmikan majlis penuh istiadat itu.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng, Ir. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis MPSP) serta Ahli-Ahli Majlis lain turut hadir

pada majlis tersebut.

Kon Yeow turut melancarkan Laporan Setengah Tahun 2012 Penilaian Pencapaian FOKUS MPSP pada majlis tersebut.

Katanya, beliau yakin bahawa komitmen padu MPSP mampu mengubah persepsi umum kononnya 'Seberang' dipinggirkan dari arus pembangunan yang cuba diusahakan Kerajaan Negeri.

"Persepsi awam melihat 'pulau' lebih maju tetapi saya percaya komitmen MPSP boleh memajukan 'seberang' sama maju dengan 'pulau'," ujar beliau.

Pada majlis tersebut, para pegawai serta kakitangan sokongan majlis yang memberi perkhidmatan cemerlang turut dihargai melalui pemberian anugerah serta sumbangan.



MAIMUNAH Mohd. Shariff (dua dari kiri) dan Chow Kon Yeow (depan, kanan sekali) menyiram pokok yang baru ditanam sebagai salah satu gimik sambutan Hari Ulang Tahun Ke-38 MPSP di sini baru-baru ini.

Kopitiam didenda kelirukan pengguna Islam

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Bertindak atas aduan awam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) mengadakan serbuan terhadap sebuah kopitiam yang didakwa menyediakan hidangan katak di dapur di sini baru-baru ini.

Walaupun tiada sebarang makanan mencurigakan ditemui ketika serbuan dijalankan, pihak berkuasa tempatan (PBT) telah mengeluarkan 15 kompaun membabitkan pelbagai kesalahan terhadap pemilik premis.

Ahli Majlis MPPP, Mohd. Rashid Hasnon berkata, kesalahan paling serius adalah mempamerkan perkataan halal hingga mengelirukan pengguna terutamanya buat pengguna beragama Islam yang mengunjungi premis.

"Mereka mempamerkan perkataan ini (halal) di hadapan kedai hingga mengelirukan pengguna. Ini kerana, dari sudut pandangan jauh, pelanggan hanya akan nampak perkataan halal berwarna putih, padahal, notis tersebut adalah pemberitahuan bahawa sijil halal masih lagi dalam proses permohonan," katanya selepas serbuan di sini baru-baru ini.

Beliau mengulas berhubung kompaun dikenakan, pemilik kopitiam disabit kesalahan dan akan dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Perihal Dagangan pindaan 2011. Denda RM200,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali bakal dikenakan sekiranya disabit kesalahan.

Hadir sama, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Jaipp, Mohd. Saiful Hamizi Mohd. Yusoff; Penolong Pegawai Pengurukuasa



ONG Ah Teong (kanan sekali) dan Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) menunjukkan keratan akhbar aduan awam serta notis pemberitahuan halal yang dirampas dari sebuah kopitiam sambil ditemani Lim Siew Khim di sini baru-baru ini.

KPDNKK, Mohd. Hussein Bahari; Pengurus Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong dan Ahli Majlis MPPP, Lim Siew Khim.

Dalam pada itu, Ah Teong berkata, 15 kompaun dikeluarkan MPPP adalah melibatkan pelbagai kesalahan yang keseluruhannya berjumlah RM450.

"Sebanyak 12 kompaun adalah bagi kesalahan pekerja gagal menunjukkan bukti suntikan kepialu. Kompaun tidak mengelakkkan makanan tercemar dengan mencampurkan makanan yang sudah dimasak dan belum dimasak di dalam peti sejuk (1), premis kotor (1) dan kesalahan menggunakan suratkhabar untuk membalut sayur-sayuran (1).

"Kopitiam (ini) yang dahulunya telah disenaraikan sebagai gred A bakal diturunkan ke gred B selepas pemeriksaan mengejut ini dijalankan. Pihak MPPP memandang serius perkara ini kerana ianya melibatkan sensitiviti buat orang Islam," ujar beliau.

Pemutihan papan iklan bermula Ogos

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN – Langkah drastik bagi memastikan pengurusan papan iklan di negeri Pulau Pinang lebih cekap, seragam, efisien, teratur, terkawal dan sah di sisi undang-undang bakal dilaksanakan bermula bulan ini (Ogos).

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas Chow Kon Yow berkata, langkah tersebut adalah untuk menghalang daripada berlakunya kerugian lebih besar membabitkan pemilik papan iklan haram yang langsung tidak membuat sebarang bayaran kepada Kerajaan Negeri.

"Struktur iklan haram akan diputihkan bermula bulan ini (Ogos) apabila Kerajaan Negeri bakal mengeluarkan lesen dudukan sementara (TOL) yang boleh diperoleh dari Pejabat Tanah dan Galian sehingga hujung tahun ini kepada para pemilik papan iklan.

"Apabila TOL itu telah diperoleh,

pemilik perlu merujuk kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) atau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk menyelesaikan permasalahan tersebut,"

katanya pada majlis sidang

media di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak akan teragak-agak merobohkan mana-mana papan iklan yang tidak melakukan 'pemutihan' sebagaimana diarahkan.

"Ini termasuk papan-papan iklan haram yang didirikan selepas 31 Julai lalu.

"Sehingga kini, cuma 1,241 sahaja papan iklan telah didaftarkan pemilik masing-masing," jelasnya.

Kata Kon Yeow, selain syarat pengurusan papan iklan yang bakal dilaksanakan pada tahun depan, permohonan berikutnya akan ditentu berdasarkan penilaian pihak PBT terhadap pemilik-pemilik berkenaan.

"Malah, papan iklan yang diluluskan pada tahun ini juga tidak semestinya menjamin kesinambungan bagi tahun berikutnya sekiranya PBT mendapati aspek teknikal pada struktur iklan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan," tegas beliau.



CHOW Kon Yeow (kanan) menunjukkan dokumen proses pemutihan papan iklan di sini baru-baru ini.

Perancangan jitu ke arah P. Pinang mampan

GEORGE TOWN – Kekurangan tanah yang terhad di Pulau Pinang iaitu kira-kira 17 peratus dengan kepadatan penduduk tinggi memerlukan garis panduan merancang lebih jitu dalam memacu ke arah tuntutan ekonomi dan sosial semasa.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ng Chek Siang ketika ucapan penangguhannya berkata, Pulau Pinang menghadapi kekurangan tanah, hutan simpan dan bukit dengan anggaran 52 peratus berdasarkan kepada perkiraan Jabatan Perancangan Pembangunan.

“Akibat daripada ketumpatan penduduk yang padat, maka,

corak pembangunan paling ideal untuk Pulau Pinang adalah mesra alam sekitar yang hijau perlu disimpan dan dikekalkan ekoran anggaran peningkatan penduduk negeri ini kepada 30 peratus menjelang tahun 2030.

“Adalah lebih baik memplot dan menempatkan mereka (penduduk) di bandar, tetapi dalam masa sama, tidak menukar tanah berbukit serta tanah pertanian menjadi sebuah kawasan perumahan kediaman,” ujarnya pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 08 Tahun 2012 di Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Tambah Chek Siang, bagi sebuah negeri yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi,

penggunaan tanah perlu dilakukan dengan cekap.

“Dengan kepadatan penduduk tinggi, Pulau Pinang mempunyai banyak kelebihan. Mewujudkan penggunaan tanah dengan lebih cekap dan berkesan penting dalam usaha menyediakan perkhidmatan awam serta kemudahan asas yang lebih efektif.

“Selain itu, sistem pengangkutan awam perlulah cekap dan mampan, peruntukan terhadap kemudahan dan perkhidmatan mencukupi serta perpaduan sosial dan pertambahan kebudayaan merupakan faktor-faktor teras lain yang saling melengkapi,” ujarnya.



CHOW Kon Yow menunjukkan pelan asal bangunan empat tingkat yang terbengkalai lebih 12 tahun dan bakal dibangunkan semula di sini baru-baru ini.

Bangunan terbengkalai 12 tahun bakal dibangunkan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

PAYA TERUBONG – Sebuah bangunan kompleks empat tingkat yang sudah terbengkalai selama 12 tahun sejak tahun 2000 bakal diberi nafas baru dan dibangunkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) tidak lama lagi.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dijangka menawarkan tender bagi membangunkan semula bangunan berkenaan selepas pihak berkuasa tempatan berkenaan menawarkan permohonan untuk cadangan (RFP) kepada syarikat-syarikat

yang berminat.

RFP dibuka untuk diiklankan dalam suratkhabar bermula 30 Julai lalu, manakala taklimat tapak diadakan pada 13 Ogos. Tarikh tutup bagi mengemukakan RFP adalah berkuatkuasa 13 September ini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yow berkata, syarikat-syarikat berminat diberi pilihan sama ada muhoberohkan struktur sedia ada ataupun menyambung semula projek yang sudah 60 peratus siap sebelum ini.

“Pada masa ini, Kerajaan Negeri dalam proses menukar hak

milik tanah kepada MPPP selepas tanah tersebut ditinggalkan sejak lama semenjak tahun 2000 lagi,” ujar beliau pada majlis sidang media selepas lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Kon Yeow memberitahu, mengikut perancangan asal, bahagian tingkat bawah bakal dibangunkan sebagai pasar basah, manakala tingkat dua untuk barang pasar kering.

“Tingkat tiga pula adalah untuk menempatkan gerai-gerai makanan (*food court*) dan tingkat empat menempatkan kemudahan-kemudahan lain yang difikirkan perlu,” jelasnya.



(Dari kiri), LIM Siew Khim, Ong Ah Teong, L. Prem Anand dan Lim Cheng Hoe menunjukkan link penggredan makanan yang telah dimuat turun di laman sesawang MPPP di sini baru-baru ini.

MPPP gred premis makan tingkat mutu kebersihan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

Siew Khim dan L. Prem Anand.

Tambah Ah Teong, semua keputusan penggredan premis makanan termasuk kedai kopi telah dimuat turun ke dalam laman sesawang MPPP, www.mppp.gov.my.

“Dengan cara ini, orang ramai mahupun pemandu pelancong dapat memilih paparan kedai dikehendaki dan bersesuaian dengan mereka bagi mengelakkan timbulnya rungutan dalam kalangan pengguna tempatan serta pelancong luar negeri.

“Lanjutan itu, pihak majlis juga sedang berusaha berhubung cadangan menghubungkan link penggredan premis makanan MPPP dengan laman web Tourism Malaysia Pulau Pinang,” jelas beliau.

Mengulas lanjut, Ah Teong berkata, sebelum ini,

terdapat rungutan dan maklum balas diterima MPPP bahawa pemandu pelancong teragak-agak untuk membawa pelancong makan di premis makanan sekitar Pulau Pinang.

“Kini, dengan adanya penggredan makanan, ia sekaligus memudahkan penggiat industri pelancongan dan agensi-agensi terlibat memilih makanan yang lebih baik serta berkualiti,” ujarnya.

Laporkan kes penderaan

SEBERANG JAYA – Nasib pasangan warga emas yang daif dan dipercayai turut menjadi mangsa dera anak mereka sendiri memperoleh perhatian Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Seberang Jaya dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, pasangan yang menetap di Taman Sembilang di sini terpaksa mengambil upah mencuci pinggan di salah sebuah kedai makan berdekatan menerima sumbangan wang tunai dan barang makanan asas daripada pejabat daerah baru-baru ini.

Dalam pada itu, PPK Seberang Jaya,

Abdul Jalil Che Ros mengucapkan rasa syukur dan terima kasih di atas inisiatif pejabat daerah yang prihatin dengan masalah dihadapi pasangan berkenaan.

“Berapa sangat yang mereka mampu peroleh dalam usia emas begini? Itupun hanya isteri sahaja yang berkerja. Suami pula lumpuh dan hanya mampu bergerak dengan bantuan kerusi roda.

“Sebelum ini, mereka hidup dalam ketakutan apabila anak lelaki tunggal (kini di penjara) sering bertindak di luar dugaan dan sering memukul apabila kehendaknya tidak dituruti.

“Terima kasih di atas keprihatinan



PASANGAN suami isteri yang memperoleh perhatian PPK Seberang Jaya dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah di sini.

Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah,” katanya ketika mengadakan lawatan ke kediaman pasangan tersebut di sini baru-baru ini.

Turut serta, Penghulu Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Mohd. Yusof Hamid dan Pengurus Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Semilang, Omar Abdullah.

Dalam pada itu, Abdul Jalil turut menyarankan para penduduk untuk melaporkan kepadanya kes-kes penderaan dan keganasan rumah tangga yang berlaku di sekitar kawasan masing-masing.

Parit konkrit atasi banjir siap dibina



ZAHADI Mohamad melawat keadaan parit konkrit.

SUNGAI DUA – Pembinaan parit konkrit di Kampung Permatang Haji Hassan yang siap sepenuhnya pada Julai lalu sekaligus mampu mengelakkan kejadian banjir kilat di kawasan sini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohamad berkata, peruntukan hampir RM5,500 telah dibelanjakan untuk tujuan pembinaan saluran tersebut.

“Lanjutan daripada inisiatif ini, kita (PPK) akan mengenal pasti beberapa

kawasan lain yang berpotensi mengalami masalah sama dan ikhtiar cara terbaik untuk mengatasinya demi kepentingan penduduk,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Zahadi turut melawat kediaman seorang ibu tunggal, Rubbonah Arshad, yang telah siap dibaiki melalui peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara berjumlah RM10,000 di bawah program pemberian rumah-rumah rakyat termiskin di sini.



PARIT konkrit yang telah siap dibina di Kampung Permatang Haji Hassan di sini Julai lalu.

RTB Fasa II Sungai Pinang perlu disegerakan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

DATOK KERAMAT – “Peranan dan penglibatan kerajaan dalam menghadapi masalah banjir amat penting dan perlu dititikberatkan kerana impak banjir turut mempengaruhi aspek kepentingan dan kestabilan politik,” tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, projek Rancangan Tebatan Banjir dan Perparitan Perbandaran (RTB) Fasa II bagi Sungai Pinang perlu dipandang serius memandangkan masalah banjir yang melanda kawasan berkenaan semakin meruncing terutama selepas kejadian pada 1 Jun dan 2 Julai lalu.

“Bencana ini bukanlah di bawah kawalan kita kerana ia sesuatu pada luar jangkaan.

“Namun, kita boleh cuba membendungnya andai langkah-langkah awal diambil terutama setelah selesai projek RTB Fasa I pada tahun 1999,” ujar Jagdeep yang kecewa dengan tindakan kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini yang tidak mengambil langkah wajar mengatasi banjir di kawasan tersebut.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Karnival Mesra Harmoni di sini baru-baru ini.

Katanya, projek RTB Fasa II kini telah hampir 70 peratus siap dan berharap ianya dapat diselesaikan tahun ini. Kelewatan dipercayai gara-gara tindakan Kerajaan Persekutuan

menangguh peruntukan buat sementara menerusi Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) membabitkan masalah perpindahan penduduk setempat.

“Walau bagaimanapun, perkara tersebut telah dibawa ke Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dan berharap ianya tidak berlanjut sehingga ke RMK berikutnya.

“Sumber Kerajaan Negeri adalah terhad dan berharap Kerajaan Persekutuan dapat hulurkan bantuan kewangan bagi menjayakan projek RTB ini supaya masalah banjir dapat diatasi segera,” ujar beliau.

Projek RTB Fasa II menelan belanja hampir RM150 juta turut merangkumi pelebaran dan pendalamatan dasar Sungai Pinang serta pemasangan perangkap kelodak (*silt trap*).



JAGDEEP Singh Deo.

Karnival Mesra Harmoni Datok Keramat mantap

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

DATOK KERAMAT

Penganjuran julung kali Karnival Mesra Harmoni Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datok Keramat berjaya mencapai objektif dengan penerapan nilai-nilai kejiranian utuh serta penyemaian semangat kerjasama dalam kalangan komuniti kawasan berkenaan di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata,

program tersebut dapat mengeratkan lagi hubungan mesra sesama tetangga, mengekalkan silaturahim yang terjalin dan saling bantu-membantu dalam kalangan penduduk di sini.

“Karnival yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kebun Lama ini bukan sahaja sarat dengan aktiviti komuniti, malah, turut diselitkan elemen kerohanian serta nilai-nilai murni antaranya pertandingan azan, pertandingan hafazan,

sukaneka, sepak takraw bulatan, tarian tali dan tarian bhangra.

“Selain itu, pertunjukkan silat dari kumpulan Seni Silat Cekak Malaysia diketuai, Shahrul Khairuddin dan boria Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang turut dipersembahkan,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan tahniah kepada pengajur dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus mengadakan program penuh bermakna tersebut.



PERSEMBAHAN boria Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.



JAGDEEP Singh Deo (barisan belakang lima dari kiri) bergambar bersama-sama pemenang acara sukaneka sempena penganjuran Karnival Mesra Harmoni di sini baru-baru ini.

Wanita Kg. Titi Teras semarakkan Ramadhan

RAIKAN... Sempena kehadiran bulan Ramadhan al-Mubarak, Perpustakaan Desa PNM Titi Teras telah menganjurkan program Semarak Ramadhan Bersama Wanita Kampung Titi Teras di sini baru-baru ini.

Program diselitkan bacaan Yasin dan doa selamat itu turut mendapat suntikan rohani apabila pihak pengajur menjemput Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail untuk menyampaikan tazkirah sempena Ramadhan al-Mubarak.

Menurut Mohd. Tuah, pengisian program tersebut amat baik dan harus dijadikan program bulanan agar ukhuwah

dapat dirapatkan terutama bagi wanita di Kampung Titi Teras. Malah, beliau sendiri turut menggalakkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti melibatkan kaum wanita bagi membolehkan golongan tersebut berkongsi pengalaman masing-masing.

Dalam pada itu, Mohd. Tuah turut mengingatkan para wanita yang hadir untuk merebut peluang tidak kira sama ada pada bulan Ramadhan maupun sebaliknya untuk meningkatkan produktiviti dan amal ibadah.

Seramai 40 wanita hadir bagi memeriahkan program tersebut. Program diakhiri dengan penyampaian sumbangan buah kurma.



MOHD. Tuah Ismail (kiri sekali) ketika menyampaikan tazkirah kepada golongan wanita bersempena program Semarak Ramadhan Bersama Wanita Kampung Titi Teras, Pulau Betong di sini baru-baru ini.

Masalah longkang tersumbat dapat perhatian PPK

PENAGA – Lanjutan daripada maklum balas penduduk berhubung masalah longkang tersumbat, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain telah bertindak menghubungi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Seberang Perai Utara (SPU) untuk tindakan segera.

Beliau memberitahu bahawa, pihaknya sering menerima aduan masalah longkang tersumbat dan menyebabkan bau kurang menyenangkan ekoran saluran berkenaan dipenuhi sampah-sarap.

“Air tidak boleh mengalir ke longkang



ROSIDI Hussain (berkopiah) bersama salah seorang penduduk mengadakan lawatan ke kawasan longkang tersumbat di sini baru-baru ini.

besar menyebabkan ianya bertakung dan berbau.

“Lebih teruk lagi takungan tersebut kini menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes,” ujar Rosidi di sini baru-baru ini.

Rentetan itu, Rosidi telah mengambil tindakan pantas dengan memaklumkan permasalahan tersebut kepada pihak JPS SPU.

“Harap-harap tindakan segera dapat diambil,” kata beliau.

Ralat Pengarang

KAPSYEN gambar bagi keluaran 1 – 15 Julai 2012, muka surat 5 di bawah tajuk berita, ‘Pusat Aktiviti Sungai Pinang dirasmi’ adalah berbunyi, PASUKAN Peronda Sukarela (PPS) Datok Keramat bergambar kenang-kenangan dengan

Ketua Menteri dan pucuk pimpinan negeri selepas selesainya majlis perasmian ibu pejabat bertindak pasukan berkenaan dan bukan sebagaimana dilaporkan sebelum ini. Segala kesilapan adalah amat dikesali.

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat



DAFTARLAH
SEKARANG!!!
di pejabat
**ADUN
ANDA!**

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS

PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS